

## **SOALAN LAZIM (FAQ'S) BERKAITAN PENGUATKUASAAN KELENGKAPAN PELINDUNG DIRI (KPD) YANG DILULUSKAN**

### **1. Apakah jenis KPD yang memerlukan kelulusan JKKP?**

Terdapat 7 jenis KPD yang memerlukan kelulusan Ketua Pengarah yang merangkumi pelindung pernafasan, pendengaran, mata, tangan, kaki, badan dan kepala.

### **2. Apakah perundangan yang berkaitan dengan kelulusan KPD?**

Keperluan mendapatkan kelulusan KPD sebagaimana termaktub dalam Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturannya. Ia dapat dirujuk dari [Perundangan Berkaitan KPD](#).

### **3. Apakah skop kelulusan JKKP?**

Ia melibatkan semua produk KPD yang digunakan di tempat kerja, termasuklah produk KPD yang diimport dan dibuat di dalam negara.

### **4. Bilakah tarikh penguatkuasaan penggunaan KPD yang diluluskan?**

Tarikh penguatkuasaan adalah seperti dibawah:

- a) Pelindung kepala dan kaki- sejak 1 Jun 2020
- b) Pelindung pernafasan(particulate filter)- bermula 1 Jun 2021
- c) Pelindung badan(Abah-abah dan aksesori)-bermula 1 Jun 2021
- d) Lain-lain jenis KPD-bermula 1 Jun 2022.

Majikan perlu memastikan semua penggunaan KPD di tempat kerja mempunyai label pensijilan DOSH-SIRIM. Keperluan untuk pembekal atau pembuat KPD mendapatkan kelulusan DOSH-SIRIM telah diperkenalkan oleh DOSH pada tahun 2016.

### **5. Adakah pelindung pernafasan(particulate) yang digunakan untuk kawalan terhadap wabak Covid-19 perlu untuk mendapatkan kelulusan JKKP?**

Tidak perlu

### **6. Apakah yang berlaku dengan KPD yang digunakan sekarang tanpa kelulusan JKKP?**

KPD tanpa kelulusan JKKP dibenarkan untuk digunakan sehingga habis tempoh masa penggunaannya. Pembelian KPD selepas itu, perlulah mempunyai kelulusan JKKP dengan label DOSH-SIRIM.

7. **Bagaimakah cara memohon kelulusan KPD dengan JKKP?**  
Sila rujuk laman sesawang <http://www.dosh.gov.my>> Perkhidmatan> Penguatkuasa > Kelulusan Dan Kebenaran> Kelengkapan Pelindung Diri (KPD).  
  
Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk [carta alir kelulusan DOSH-SIRIM](#).
8. **Dimanakah boleh mendapatkan senarai KPD yang diluluskan?**  
Sila rujuk laman web <http://www.dosh.gov.my>> Pusat Maklumat KKP> Senarai Kelulusan dan Kebenaran atau terus ke pautan ini  
<https://www.dosh.gov.my/index.php/recognized-list>
9. **Bagaimakah kaedah untuk mendapatkan lesen pensijilan produk dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd.?**  
Sila rujuk laman sesawang <http://www.sirim-qas.com.my> atau terus ke pautan ini  
<https://www.sirim-qas.com.my/our-services/product-certification/personal-protection-equipment-scheme/>
10. **Adakah KPD dengan pensijilan CE / label dari badan penguji pihak ketiga luar negara setara dengan ujian SIRIM?**  
Pada masa ini JKKP hanya mengiktiraf lesen pensijilan produk dan laporan ujian dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. sahaja.
11. **Bagaimakah JKKP membantu dan mendorong industri KPD untuk mematuhi syarat kelulusan JKKP?**  
JKKP akan mengkaji perkara berikut -  
(a) Pendekatan bertahap untuk mengurangkan beban industri  
(b) Membolehkan pengelompokan produk dari jenis yang sama.  
(c) Mengurangkan beban kepada industri dari segi kos (ujian produk & audit kilang) dan masa.